

Sarawak perlu 60 mesin dialisis tampung rawatan pertambahan pesakit: Dr Sim

KOTASAMARAHAN: Sarawak memerlukan sekurang-kurangnya 60 mesin dialisis bagi menampung rawatan dialisis dengan pertambahan 750 pesakit buah pinggang di negeri ini setiap tahun.

Timbalan Premier Sarawak Dato Sri Dr Sim Kui Hian berkata, statistik berkenaan beliau perolehi daripada Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) Malaysia.

“Pada 2011 berdasarkan maklumat daripada maklumat NKF, kita mempunyai 1,300 pesakit buah pinggang yang memerlukan rawatan dialisis di Sarawak, tetapi sekarang kita mempunyai sekitar 4,000 pesakit.

“Semakin kita maju, penyakit tersebut juga kian berkembang, malah lebih pantas,” ujarnya ketika berucap pada Majlis Perasmian Pusat Dialisis NKF-KAS/Rotary (Unit 2) di sini, semalam.

Dr Sim berkata, setiap tahun di Sarawak sekitar 1,400 daripada pesakit tersebut mendapat khidmat dialisis di 25 pusat perkhidmatan perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di seluruh negeri.

“Seramai 1,100 pesakit buah pinggang daripadanya mendapat rawatan di 12 pusat dialisis swasta dan 1,000 lagi di sembilan pusat dialisis milik badan bukan kerajaan (NGO).

“Ia bukan untuk mengaut keuntungan, namun dengan hanya hampir 50 pusat dialisis di seluruh Sarawak, 4,000 pesakit ini mungkin tidak dapat bertahan... tetapi kita mahu memberi peluang kepada mereka untuk meneruskan hidup.

“Memanjangkan usia mereka antara 10 dan 25 tahun bergantung kepada kualiti khidmat



INTERAKSI: Dr Sim (kiri) meluangkan masa untuk berbual dengan salah seorang pesakit yang sedang menjalani rawatan dialisis di Pusat Dialisis NKF-KAS/Rotary (Unit 2) semalam.

dialisis yang diberikan,” jelas Dr Sim.

Beliau turut membandingkan perkhidmatan dialisis kurang berkualiti disediakan di negara jiran yang tidak membantu menyumbang untuk memanjangkan usia pesakit buah pinggangnya.

Menurutnya, rawatan tersebut perlu dilakukan 3-4 kali seminggu dengan tempoh masa antara 3-4 jam sekali rawatan dan menyeksakan tetapi ia mampu memanjangkan usia kehidupan mereka antara 15 dan 20 tahun.

“Dan kita menyelamatkan seorang bapa, datuk, pakcik atau makcik, ibu, adik kakak atau abang kepada seseorang di sini,” katanya.

Dr Sim yang juga Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan memuji usaha baik yang dijalankan oleh NKF Malaysia yang kini turut menawarkan perkhidmatan itu

untuk 1,700 pesakit di 29 pusat dialisis miliknya di seluruh negara.

NKF Malaysia telah bergabung dengan Kelab Rotary dan NKF Sarawak sejak 1991 untuk menubuhkan pusat dialisis berkenaan dan juga beroperasi di Pusat Komersial Hock Kui dan di Sarikei.

Hadir sama Presiden Persatuan Buah Pinggang Sarawak Dato Sri J.C.Fong, Pengerusi Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia Dato Dr Zaki Morad Mohd Zaher dan Ketua Pegawai Eksekutif NKF Kota Samarahan Khor Xin Yun.

Turut hadir bekas Timbalan Ketua Menteri Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Dr George Chan Hong Nam, Pengerusi Majlis Perbandaran Kota Samarahan (MPKS) Dato Peter Minos dan Ahli Majlis MPKS Dato Sim Kiang Chiok.